

KAJIAN TERHADAP RISIKO DALAM PROJEK PEMBINAAN

AZURA BINTI MD ARIFFIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2007

ABSTRAK

Projek pembinaan adalah sesuatu yang kompleks, mempunyai kitaran penghasilan yang panjang dan melibatkan risiko dan ketidakpastian. Perbezaan antara risiko dan ketidakpastian bergantung kepada saiz, kesukaran, keunikan dan pengalaman seseorang dalam sesebuah projek. Dalam projek pembinaan, risiko wujud dalam setiap fasa projek dan pengurusan terhadapnya memerlukan penelitian dan pemerhatian yang sebaiknya. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti risiko yang dihadapi oleh kontraktor dan mengkaji kaedah pengurusan risiko yang diamalkan oleh kebanyakan kontraktor dalam projek pembinaan. Kajian dibuat ke atas pihak kontraktor yang berada di sekitar daerah Johor Bahru. Borang soal selidik yang diedarkan merangkumi persoalan berkenaan risiko dan pengurusan risiko projek. Analisis daripada borang soal selidik yang dijalankan menggunakan perisian Microsoft Excel dan juga kaedah Purata Indeks. Daripada kajian yang telah dijalankan, risiko yang sering dihadapi oleh kontraktor adalah risiko dari aspek ekonomi, fizikal, politik dan persekitaran. Kaedah yang digunakan untuk menganalisa risiko ialah mengaplikasikan teknik *heuristic*. Untuk menguruskan risiko pula, kontraktor akan membuat perancangan yang terperinci untuk mengelakkan risiko ini terjadi. Dalam mengatasi risiko-risiko tersebut, kaedah pengurusan risiko yang terbaik perlulah diaplikasi agar tidak mendatangkan masalah kepada projek pembinaan.

ABSTRACT

Construction projects are complex, with a long time period and involve risks and uncertainties. The differences between risk and uncertainties depend on the size, complexity, the uniqueness of a project and the experiences of individuals whom involve in that project. In construction projects, in every phases has its own risks thus a thorough assessment and observation will be needed in the management. This research is conduct to identify thr risk involve and to study the method of risk management that being implemented by many of the contractor in construction project. The research is conducted upon contractors within Johor Bahru. The questionnaires consists questions about risk and the management of the project risk. The analysis of the questionnaires was done using Microsoft Excel and Average Index. From the research that had been conducted, the risks that the contractors often came upon with are the risk that involves economic, physical, politic and environment aspect. The used method to analyse the risks are heuristic technic application. To manage the risk involve, the contractor will make a thorough planning to avoid it from happening. In dealing with project risks, the best risks management method has to be applied in order to success in construction project.